

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI]

TARIKH : 04 NOVEMBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pembuangan pekerja dalam semua sektor sepanjang 2018, dan setakat ini 2019. Berapakah bilangan yang ditawarkan VSS dalam tempoh yang sama dan berapakah bilangan peluang pekerjaan yang telah diwujudkan sepanjang tahun 2019 mengikut sektor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan notifikasi oleh majikan, bilangan pekerja yang diberhentikan bagi sektor swasta tahun 2018 adalah seramai 23,168 orang pekerja yang melibatkan 17,236 (74.4%) pemberhentian biasa dan 5,932 (25.6%) pemberhentian sukarela (VSS). Manakala sehingga 30 September 2019 seramai 24,600 orang pekerja yang terlibat. Daripada jumlah tersebut, seramai 21,625 (87.9%) orang pekerja terlibat dengan pemberhentian biasa. Manakala, seramai 2,975 (12.1%) orang pekerja pula terlibat dengan pemberhentian sukarela (VSS).

2. Bagi tahun semasa, pekerja yang terjejas merupakan di sektor sektor pembuatan mencatat bilangan seramai 7,944 orang (32.29%)

SOALAN NO : 1

terlibat, seramai 7,309 orang (29.71%) di sektor aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan, seramai 2,123 orang (8.63%) di sektor perdagangan, borong dan runcit, seramai 1,748 orang (7.11%) di sektor aktiviti kewangan dan insurans, seramai 1,049 orang (4.26%) di sektor penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman. Manakala seramai 6,79 orang (2.76%) di sektor maklumat dan komunikasi.

3. Berdasarkan statistik daripada Portal pekerjaan sehingga Ogos 2019, kekosongan pekerjaan yang didaftarkan oleh majikan-majikan bagi kategori siswazah adalah sebanyak 50,326 jawatan manakala sebanyak 642,979 kekosongan jawatan adalah untuk kategori bukan siswazah. Pengiklanan oleh lebih 20,000 majikan aktif yang menawarkan pelbagai jawatan di semua kategori pekerjaan sektor awam dan swasta. Portal *JobsMalaysia* (JMC) di bawah kementerian ini merupakan portal rasmi pasaran pekerja untuk pencarian dan penawaran pekerjaan melalui sistem padanan kerja secara *web based*. Setiap pencari kerja berpeluang mendapatkan pekerjaan dan majikan pula berpeluang untuk mendapatkan calon yang sesuai. Pusat *JobsMalaysia* (JMC) di seluruh negara menawarkan pelbagai informasi kekosongan pekerjaan dan perkhidmatan khidmat nasihat pekerjaan kepada pencari kerja. Majikan dan pencari kerja juga berpeluang untuk menyertai karnival pekerjaan di seluruh negara termasuk program-program temuduga terbuka yang diadakan di semua *Urban Transformation Center* (UTC) di seluruh negara sepanjang tahun.